



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN,
BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2584800

Fax : 03-2535722

Tarikh : 29 Nov 2001

PEKELILING MAJIKAN BIL.20/2001

**TARIKH AKHIR PENERIMAAN BORANG TUNTUTAN GERAN LATIHAN
BAGI LATIHAN YANG TAMAT DIJALANKAN DALAM TAHUN 2001**

1 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai tarikh 26 Disember 2001 sebagai tarikh akhir penerimaan borang tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan dalam tahun 2001.

2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN

- 2.1 Bagi membolehkan pembayaran balik dibuat untuk program-program latihan yang dijalankan pada tahun ini, majikan adalah diminta untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan lengkap dengan dokumen sokongan sebelum 26 November 2001 agar ianya dapat diterima oleh PSMB sebelum 31 Disember 2001 dan bayaran geran latihan dapat dilakukan pada minggu pertama bulan Januari 2002.
- 2.2 Walau bagaimanapun, bagi latihan yang tidak sempat dituntut pada tarikh tersebut disebabkan oleh masalah-masalah tertentu, majikan adalah dibenarkan untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan berkenaan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2002.

3. PRA-SYARAT KELULUSAN

- 3.1 Dalam apa jua keadaan, kelulusan untuk mendapatkan bayaran geran latihan ini masih lagi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PSMB seperti berikut:-

3.1.1 majikan tidak mempunyai bayaran levi yang tertunggak bagi mana-mana bulan dan segala faedah yang dikenakan ke atas levi yang lewat dibayar telah dijelaskan kecuali majikan memilih untuk mengoffsetkan kedua-dua tunggakan dan faedah ini daripada geran latihan yang akan diterima; dan

3.1.2 borang tuntutan yang dikemukakan hendaklah diisi dengan lengkap beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan. Mana-mana dokumen-dokumen yang disertakan dalam bentuk salinan hendaklah disahkan mengikut format PSMB.

4. PENUTUP

- 4.1 Majikan adalah diminta untuk mematuhi Pekeling ini sepenuhnya bagi mengelakkan tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan dalam tahun 2001 tidak dapat

diluluskan untuk bayaran.

- 4.2 Tuntutan yang diterima selepas 30 Jun 2002 dianggap tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh PSMB dan tidak layak untuk menerima bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

5. PERTANYAAN

- 5.1 PSMB bersedia membantu majikan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi berkaitan dengan tuntutan geran latihan. Pegawai-pegawai yang boleh dirujuk adalah berikut:-

(i) Hashim Bin Mustafa
(nombor telefon : 03-2584841)

(ii) Wan Hadlan Nor Bin Wan Harun
(nombor telefon : 03-2584842)

(iii) Syed Shahrul Hafeez Bin Syed Halim
(nombor telefon : 03-2584864); dan

(iv) Siti Haida Binti Mohd Aini
(nombor telefon : 03-2584854_.

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)
Pengarah Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad